

NO SOALAN :37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
(BAGAN SERAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.03.2015

Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan golongan berpendapatan RM4000 ke bawah mendapat BRIM manakala golongan kaya berpendapatan tinggi tidak layak. Golongan yang besar, tersepit dan terbeban adalah golongan berpendapatan pertengahan khususnya di bandar. Apakah tindakan Kerajaan untuk membantu golongan pertengahan ini yang terbeban dan sangat terkesan dengan kos hidup yang meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memperkenalkan BR1M pada 2012 dengan menetapkan kelayakan pendapatan isi rumah di bawah RM3,000, manakala bermula tahun 2014, Kerajaan menambah baik kategori penerima BR1M dengan menaikkan had kelayakan pendapatan isi rumah kepada RM4,000. Peningkatan had kelayakan ini bertujuan membantu golongan berpendapatan sederhana terutamanya dikawasan bandar yang menghadapi kesukaran ekoran kos sara hidup yang tinggi.

2. Bagi mereka yang berpendapatan lebih daripada had pendapatan BR1M, Kerajaan turut menyediakan pelbagai inisiatif iaitu untuk dinikmati bersama oleh mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Antara program sedia ada yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - i. Pengurangan kadar cukai pendapatan individu sebanyak 1% untuk tahun taksiran 2010;
 - ii. Pengurangan kadar cukai pendapatan individu sebanyak 1% untuk tahun taksiran 2015; dan
 - iii. kumpulan pendapatan bercukai tertinggi dinaikkan kepada RM400,000 daripada RM100,000 untuk tahun taksiran 2015.
3. Disamping itu, Kerajaan turut menyediakan beberapa program

yang dinikmati oleh rakyat secara umum seperti:

- i. Penerusan subsidi barang keperluan asas seperti beras, minyak masak dan gas memasak LPG.
- ii. Pemberian Bantuan Persekolahan, RM100 kepada pelajar sekolah tanpa mengambil kira pendapatan ibu bapa;
- iii. Pemberian Baucar Buku 1Malaysia RM250 tanpa mengambil kira pendapatan ibu bapa; dan
- iv. Kemudahan Klinik 1Malaysia dan Kedai Rakyat 1Malaysia.